



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Penolong pegawai farmasi rugi RM21,250 ditipu sindiket Macau Scam Language: Bahasa Malaysia

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 22 April 2021

Page: 28

Penolong pegawai farmasi rugi RM21,250 ditipu sindiket Macau Scam

JEMPOL - Seorang penolong pegawai farmasi rugi RM21,250 selepas diperdaya sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, kejadian bermula apabila mangsa berusia 55 tahun menerima panggilan daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai Samsul Zaman daripada LHDN pada Isnin lepas.

“Lelaki tersebut mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM38,600 atas nama syarikat Anco Marketing & Trading.

“Mangsa kemudiannya disambungkan dengan individu lain bergelar Datuk dikenali sebagai Asisten Komisio-ner Zulkifli bagi mengelakkan hukuman dan waran tangkap dikenakan ke atasnya.

“Datuk berkenaan meminta mangsa memberi nombor bahagian hadapan kad ATM milik mangsa untuk mem-

buat semakan dengan Bank Negara Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Chang Hook berkata, tidak lama selepas itu, mangsa menerima mesej daripada bank yang memaklumkan dia membuat pemindahan sebanyak RM10,000 daripada akaun banknya.

“Hasil semakan ke atas semua akau-nya, mangsa mendapati duit daripada akaun bank berjumlah RM21,250.50 hilang sebelum membuat laporan di Balai Polis Bahau,” katanya.